

Headline	Ekspedisi teroka hutan Brazil, demi benih getah		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	27 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Perspektif	Circulation	56,027
Page No	32	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	523 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,318
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,954



**PERSPEKTIF**

# Ekspedisi teroka hutan Brazil, demi benih getah



**Berjalan** kaki meredah hutan dan terserempak dengan harimau di Amazon, Brazil, antara pengalaman terus melekat dalam memori, iaitu ingin mencari biji getah untuk dibawa pulang ke Malaysia.

Jurugambar Lembaga Getah Malaysia (LGM), Salim Hamid yang terlibat dalam ekspedisi mencari biji getah di hutan itu, pada 1995 berkongsi pengalaman dan cabarannya selama tiga bulan berada di sana.

Pengembaraan bersama 10 lagi wakil termasuk penyelidik LGM dan kakitangan agensi berkaitan termasuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Hutan sukar dilupakan sehingga hari ini.

"Ekspedisi ini bertujuan mendapatkan biji getah untuk dibawa pulang bagi tujuan penyelidikan. Ia (baka asal) getah inilah yang digunakan untuk tanam di Malaysia.

"Pengalaman tak dapat dilupakan, kami naik bot kecil ketika masuk hutan Amazon dan perlu bergerak awal pagi supaya dapat keluar sebelum hari gelap untuk kembali ke bot, menjadi tempat berehat dan tidur.

"Antara cabaran menakutkan berjalan kaki dalam hutan tebal untuk elak ancaman binatang buas.

Kami upah orang kampung di situ yang akan jalan paling depan. Ada satu ketika terserempak harimau (jaguar), tetapi mujur semuanya selamat," katanya.

Katanya, kumpulan ekspedisi itu berjaya membawa pulang sekitar 50,000 biji getah ke tanah air.

"Tiga bulan di dalam hutan dan dalam tempoh itu beberapa kali kami perlu segera ke lapangan terbang terdekat untuk hantar biji getah (dari hutan) untuk dibawa ke pusat penyelidikan di UK milik LGM, Tun Abdul



▲ Spesies biji getah yang dibawa pulang dari Amazon ke tanah air.

◀ Penyelidik LGM, Dr Ramli Othman sedang mengukur ukur lilit pokok getah bagi mendapatkan data kajian.

▶ Ekspedisi mencari pokok getah melalui anak sungai di Amazon.

Razak Research Centre bagi tujuan pembersihan dan penghantaran ke Malaysia.

Proses ini perlu dilakukan dengan cepat untuk mengelakkan ia rosak.

**Buat klon getah**

Dari sub spesies itu mereka akan buat pengklonan di Malaysia.

Pada 2025, LGM akan meraikan sambutan 100 tahun penyelidikan getah. Menjelang 100 tahun ini, pelbagai inovasi dan teknologi diketengahkan bagi manfaat industri getah dan Malaysia terus kekal sebagai peneraju dalam

penyelidikan getah dalam kalangan negara pengeluar getah dunia.

Antara sumbangan utama dapat dilihat melalui pengenalan kepada skim Standard Malaysian Rubber (SMR) yang menjadi tanda aras kepada negara pengeluar lain sejak 1968.

LGM juga mengeluarkan teknologi berdaya tinggi seperti gelas getah seismik yang memberi perlindungan kepada struktur bangunan daripada kerosakan gempa bumi, jalan raya berasaskan getah (*cuplump modified asphalt*) dan getah termaju Ekoprena dan Pureprena.



Salim Hamid

